

27/06/2002

Pak Lah pengganti Dr M paling tepat

ad; Baharom Bakar; Faiza Zainudin; Thaddius Unnip; Zurwina Sharkawi
KUALA LUMPUR, Rabu - Pelantikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meneruskan kesinambungan pucuk pimpinan negara daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendapat sokongan ramai.

Guru Institut Victoria, Jaya Karupiah, 35, berkata Abdullah adalah pemimpin berkaliber dan calon paling sesuai untuk menerajui negara ini kerana beliau sudah mengetahui selok-belok urusan kerajaan memandangkan sentiasa bersama Dr Mahathir.

"Sebagai rakyat, saya terharu dengan langkah bijak PM yang memilih timbalannya sebagai penggantinya dan sudah tentu apa jua tindakannya (Dr Mahathir) yang diambil adalah tepat dan tidak perlu dipersoalkan," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Abdullah akan menggantikan Dr Mahathir sebagai pemimpin parti dan kerajaan selepas Oktober tahun depan. Sehingga tempoh itu, Dr Mahathir terus memegang semua jawatannya dalam Umno, Barisan Nasional (BN) dan kerajaan termasuk Menteri Kewangan.

Dalam tempoh peralihan kuasa itu, Abdullah akan memangku jawatan Perdana Menteri, Presiden Umno dan Pengerusi BN apabila Dr Mahathir bercuti.

Perkara itu dicapai dalam pertemuan Jawatankuasa Pengurusan Umno dengan Dr Mahathir sebelum beliau berlepas untuk bercuti di luar negara, di Putrajaya pagi Ahad lalu.

Peniaga, Zakaria Mydin, 50, berkata beliau kagum dan menghormati keputusan PM untuk menjadikan Abdullah sebagai pengganti kerana sememangnya beliau adalah pemimpin yang berwibawa dan berjiwa rakyat.

"Kita perlu berbangga dengan keputusan Dr Mahathir untuk melepaskan jawatannya walaupun beliau masih diperlukan bagi memerintah negara. Bagaimanapun, kita faham pendiriannya yang ingin memberi peluang kepada orang lain memikul tugas sebagai PM, Presiden Umno dan Pengerusi BN," katanya.

Pengurus operasi 7-Eleven, Siti Rahayu Maulud, 30, menyokong Dr Mahathir digantikan dengan Pak Lah kerana beliau mampu melaksanakan tanggungjawab yang diberi sebelum ini dengan sempurna terutama setiap kali PM berada di luar negara untuk urusan rasmi atau bercuti.

Di KOTA BHARU, seorang kakitangan kerajaan di sini, Zaidi Jali, 27, berkata beliau yakin Abdullah mampu menerajui negara berdasarkan pengalaman hampir empat tahun sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun, katanya, semua pemimpin dan ahli Umno termasuk parti pembangkang perlu memberi kerjasama serta kepercayaan untuk beliau mengemudi negara.

Pengusaha kantin, Azimah Che Mud, 48, berkata sifat sederhana Pak Lah mendorong Perdana Menteri memberi kepercayaan kepadanya untuk menggantikan beliau.

DI JOHOR BAHRU, warga bandar raya ini menyokong penuh pelantikan Abdullah untuk meneruskan kesinambungan pucuk pimpinan negara.

Pegawai kerajaan, Aziz Zainal, 45, berkata Abdullah menepati ciri-ciri seorang pemimpin yang mampu meneruskan perjuangan dalam parti sama ada Umno atau Barisan Nasional, malah beliau antara pemimpin negara yang berkaliber dalam memberikan pandangan berhubung isu kemajuan negara.

Peniaga, Phua Seng Tin, 50, berkata rakyat seharusnya berbangga kerana mempunyai seorang lagi tokoh yang mampu meneruskan tradisi memperjuangkan nasib rakyat.

Di SEREMBAN, seorang kakitangan kerajaan, Mustaza Sairan, 41, berkata beliau menyokong penuh pelantikan itu dan berharap semua pihak serta rakyat jelata dapat menerima perubahan yang akan berlaku pada tahun depan.

Bagi kontraktor, Mohd Sabri Mohd Top, 40, pemilihan yang dilakukan oleh Perdana Menteri itu adalah tepat dan kena pada tempatnya.

Katanya, orang ramai tidak seharusnya terpengaruh dengan dakwaan negatif mana-mana pihak dengan peletakan jawatan Perdana Menteri itu dan kepemimpinan Abdullah yang bakal menerajui negara ini.

DI KUALA TERENGGANU, Eksekutif Jualan Kawasan Nestle Products Sdn Bhd, Tengku Zulkamari Tengku Busair, berkata rakyat perlu memberi peluang dan sokongan kepada Abdullah Badawi memimpin negara.

"Setiap orang mempunyai keistimewaan dan kita menaruh harapan besar kepada Pak Lah kerana belum cuba, belum tahu. Sekiranya diberi peluang Pak Lah juga boleh membuktikan kewibawaannya," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan Pusat Teknologi Maklumat Inforana Sdn Bhd, Ahmad Ramzi Abdul Rahman, berkata orang Melayu perlu bersedia menghadapi perubahan kepimpinan daripada Dr Mahathir kepada Pak Lah, kerana mereka bukan saja akan berhadapan dengan perubahan dalam negara, tetapi global.

DI ALOR STAR, kebanyakan mereka menyifatkan tempoh peralihan kuasa yang dikemukakan Perdana Menteri itu adalah bijak dan tersusun bagi memastikan negara ini terus maju dan diyakini masyarakat tempatan dan antarabangsa.

Pesara guru, Zubier Nazir, 58, berkata biarpun sedih dengan keputusan Perdana Menteri itu, namun yakin penggantinya dan barisan komponen parti mampu menerajui kerajaan dengan berkesan.

DI KOTA KINABALU, penduduk pelbagai kaum di Sabah menyambut baik pemilihan Abdullah sebagai Perdana Menteri kerana menganggapnya sebagai pengganti paling tepat berdasarkan pengetahuan dan pengalamannya yang luas dalam pentadbiran negara.

Baba Zainal, 45, berkata pemilihan Abdullah adalah pilihan yang tepat kerana beliau bukan saja mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negara, malah seorang pemimpin yang berwibawa serta disenangi rakyat.

"Pak Lah memang pilihan tepat kerana beliau seorang pemimpin yang berwibawa, warak serta mempunyai perawakan lemah lembut tetapi tegas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab," katanya.

Di KUCHING, penduduk negeri ini menyokong keputusan Perdana Menteri menyerahkan jawatannya kepada Abdullah seperti yang diumumkan, semalam.

Hashim Said, 52, pemuzik profesional, berkata menjadi lumrah setiap kepimpinan perlu mengalami perubahan sama ada dari segi pemimpin dan corak pemerintahan tetapi kepimpinan yang ada sekarang perlu diteruskan dengan membawa lebih perubahan pembangunan dan kemajuan khususnya di luar bandar.

(END)